



LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN (LZNK) KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA 2021

Sebut Harga adalah dipelawa secara terbuka kepada pembekal-pembekal tempatan yang **menjalankan operasi perniagaan di Negeri Kedah (keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat perniagaan/pendapatan dengan LZNK bagi tahun 2020)** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Dalam Negeri dan berkelayakan serta berpengalaman untuk menyertai Sebut Harga bagi perkhidmatan berikut:

Maklumat Sebut Harga

NO SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	PENDAFTARAN MOF	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
LZNK/SH/03/2021	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api Di Kompleks Pembangunan Asnaf (Mergong) Untuk Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman	Kod Bidang : 220801 - Kawalan Keselamatan (Perlu Lesen KDN)	RM50.00 (Tunai) Dokumen Meja Sebut Harga boleh dirujuk mulai 14 Mac 2021 (Ahad)	14 Mac 2021 (Ahad) 10.30 Pagi Secara atas talian (Online)	21 Mac 2021 (Ahad) 12.00 Tengah Hari

Tempat Jualan Dan Penghantaran Tawaran

Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman Aras Bawah, Menara Zakat, Jalan Telok Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman. No Tel: 04-7331740	Tarikh dan Masa Jualan
	14 Mac 2021 (Ahad) selepas jam 12.00 Tengah hari

- i. Semua penyebutharga **DIWAJIBKAN** mengikut siaran langsung sesi taklimat pada **14 Mac 2021 (Ahad)** melalui pautan di **PORTAL PEROLEHAN** pada jam **10.30 pagi**.
- ii. Semua penyebutharga **DIWAJIBKAN** mendaftar dengan **PORTAL PEROLEHAN LZNK** dengan melayari laman sesawang <http://perolehan.zakatkedah.com.my/>
- iii. Semua penyebutharga perlu **MENGESAHKAN KEHADIRAN** untuk mengikut sesi taklimat secara atas talian di **PORTAL PEROLEHAN LZNK**.
- iv. Hanya **Syarikat yang memiliki kod bidang** di dalam MOF dan **PORTAL PEROLEHAN LZNK** sahaja dibenarkan mengikut taklimat secara atas talian ini.
- v. Bagi firma baharu, pembekal perlu **MENDAFTAR** sebagai pembekal di **PORTAL PEROLEHAN LZNK** terlebih dahulu sebelum sesi taklimat berlangsung. Sila dapatkan pengesahan setelah pendaftaran dilakukan.
- vi. Kegagalan untuk mendaftar sebelum mengikut taklimat ini dalam masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan penyebutharga tidak dibenarkan untuk memasuki Sebut Harga ini dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- vii. **DOKUMEN SEBUT HARGA** akan **DIJUAL SECARA ATAS TALIAN** kepada penyebutharga yang mengikut sesi taklimat sahaja serta mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.
- viii. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli secara atas talian di **PORTAL PEROLEHAN LZNK** dan bayaran bagi Dokumen Sebut Harga tidak akan dikembalikan.
- ix. Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman
- x. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah dilabelkan mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- xi. Pembekal yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut:
Bahagian Pembangunan Dan Penyelenggaraan : 04-7331740 ext. 206
Pegawai Perolehan (Dokumen) : 04-7331740 ext. 265 / 019-4941740